

Pertimbang kaji semula akta alam sekitar

BH
- 15/3/2014
m/s: 2

➔ Hukuman lebih berat buang sisa toksik secara haram

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Ifwan Tun Tuah, Badrul Kamal Zakaria, Mohd Fahmi Mohd Yusof, Mohd Nasaruddin Parzi, Fazrik Kamarudin dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Pasir Gudang

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mempertimbangkan keperluan mengkaji semula undang-undang berkaitan alam sekitar bagi memberi hukuman lebih berat, susulan kejadian pencemaran gas di Pasir Gudang.

Perdana Menteri berkata, pencemaran gas berikutan pembuangan sisa kimia di kawasan itu hingga menjejaskan ribuan mangsa tidak pernah berlaku sebelum ini.

“Kita ambil perhatian betapa serius peristiwa ini kerana kita biasa dengan keracunan air dan pepejal, tapi ini gas yang tak pernah kita tangani. Oleh itu, kita akan kaji undang-undang sedia ada sama ada perlu diperkuat atau tidak,” katanya pada sidang media di Hospital Sultan Ismail (HSI) dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan

Ismail; Menteri Besar, Datuk Osman Sapien dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal.

Tak perlu isytihar darurat

Terdahulu, mereka mendengar taklimat situasi semasa pencemaran udara di kawasan Pasir Gudang di Pusat Operasi Bencana di Bangunan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) sebelum melawat mangsa yang dirawat di HSI.

Perdana Menteri turut menegaskan tiada keperluan untuk kerajaan mengisytiharkan darurat dan memindahkan penduduk.

“Tidak sampai ke tahap perlu isytihar darurat. Keadaan masih terkawal, tapi penduduk tetap perlu berhati-hati,” katanya.

Dr Mahathir berpuas hati dengan cara semua pihak mengendalikan bencana berkenaan termasuk bomba, polis, pasukan perubatan hospital dan sekolah.

“Mereka menjalankan tugas dengan sempurna walaupun kes seperti ini tidak pernah berlaku.

“Ini kes luar biasa kerana membabitkan gas beracun,” katanya.

Mengenai suspek pembuangan sisa kimia yang belum didakwa walaupun dijadualkan dihadapkan ke mahkamah pagi semalam, Dr Mahathir berkata, siasatan perlu dilengkapkan dengan sempurna bagi mengelak pendakwaan pihak yang tidak bersalah.